

Headline	FGV komited lestarikan biodiversiti		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	F33	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	759 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,001
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,003



FGV komited lestarikan biodiversiti

Oleh MOHD. AZRAIE MD. YUSOF

DALAM usaha mengekalkan kelestarian biodiversiti flora dan fauna negara, Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) telah mengadakan usaha sama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) untuk memulihara bunga rafflesia dan beruang matahari.

Melalui usaha sama itu, FGV menyurukkan dana secara berperingkat iaitu sebanyak RM5 juta bagi pembangunan Pusat Pemuliharaan dan Interpretif Rafflesia (RCIC) dan RM2.5 juta untuk Projek Pemuliharaan Beruang Matahari.

Kerjasama itu merupakan projek pertama FGV sebagai syarikat swasta dan agensi kerajaan berkaitan penyelidikan dan usaha memelihara populasi bunga rafflesia dan beruang matahari di negara ini.

Menurut FRIM, data yang diberikan oleh FGV tersebut akan digunakan kepada tiga peringkat iaitu kajian, pembangunan fizikal dan bukan fizikal iaitu atas bunga rafflesia yang terdapat di Felda Bersia, Gerik, Perak.

Pembangunan RCIC di Felda Bersia dilihat bukan sahaja dapat memulihara spesis bunga rafflesia yang semakin pupus di negara ini, malah berpotensi menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi ekopelancongan.

Diiktiraf sebagai bunga terbesar di dunia, rafflesia hanya terdapat di negara Asia Tenggara tertentu sahaja seperti Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina.

Keunikan bunga itu jika terus dipulihara sememangnya mampu menggamit pelancong dari seluruh dunia untuk berkunjung ke rantau ini.

Sementara itu, Perhilitan melalui dana dari-pada FGV sedang mengkaji aspek pemakanan dan habitat beruang matahari bagi dijadikan prosedur operasi standard (SOP) untuk



mengembalikan semula haiwan tersebut yang telah dirawat kepada alam semula jadi.

Dalam tempoh setahun kerjasama dengan FGV, 12 ekor beruang matahari berjaya diselamatkan dan dipuliharkan di Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) di Sungai, Perak.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak enam ekor beruang telah dilepaskan ke habitat asal iaitu di kawasan-kawasan hutan simpan di

Semenanjung Malaysia.

Bagaimanapun hanya tiga ekor beruang telah dilepaskan secara saintifik iaitu dengan penggunaan kolar pengesan dan peralatan telemetri (pemancar radio dan antena) untuk pemantauan selama dua tahun.

Melalui usaha sama itu, FGV secara tidak langsung dapat menzhahirkan komitmen syarikat dalam memastikan kemampuan biodiversiti di samping menangani isu-isu yang

Pembangunan RCIC di Felda Bersia dilihat bukan sahaja dapat memulihara spesis bunga rafflesia yang semakin pupus di negara ini, malah berpotensi menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi eko pelancongan.



dikaitkan dengan industri sawit seperti permasahan habitat asal hidupan liar akibat peneロakan hutan bagi tujuan perladangan.

Selari dengan matlamat syarikat menguatmakan kemampuan alam sekitar dalam operasi seharian, FGV akan terus meningkatkan usaha dan menganjurkan lebih banyak program berobjektif pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaiannya biologi.